



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

18 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu, 24 Syaaban 1441H bersamaan 18 April 2020M, **1 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 137 orang**.
 - **Kes 137** berumur 31 tahun ialah isteri kepada Kes 109 dan mempunyai kaitan dengan kluster Kes 73. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
2. Sementara itu, **1 kes aktif** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 113 orang**. Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **23 kes**. Daripada jumlah tersebut, di mana 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **85 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,407 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 165 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 11,254 ujian.
5. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa 5 lagi kes yang telah sembuh telah dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan. Jumlah ini membawa kepada jumlah keseluruhan kes yang sedemikian sebanyak 16 orang. Daripada jumlah tersebut, 4 orang telah dibenarkan pulang ke rumah manakala 12 orang sedang menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Kes baru pada hari ini membuktikan negara kita masih lagi berada di bawah ancaman wabak COVID-19 dan kita perlu untuk terus berjaga-jaga dan tidak leka serta sentiasa mematuhi arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan. Oleh dengan itu, Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan. Terutama sekali sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*) dengan mengelakkan dan menjauhi daripada beramai-ramai mengunjung ke gedung-gedung perniagaan, tamu-tamu, pasar-pasar, kedai-kedai runcit seperti yang disarankan. Ini adalah disamping mematuhi larangan perkumpulan ramai (*mass gathering*) dan melakukan amalan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa. Orang ramai juga diingatkan untuk membuang

disposable facemask yang telah digunakan dengan cara yang betul iaitu ke dalam tong sampah dan tidak dibuang di merata tempat. Ini adalah untuk mengelakkan jangkitan dan menjaga kebersihan bersama.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 24 Syaaban 1441H / 18 April 2020